



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 (56) 04/06

TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN MENINJAU KAWASAN OPERASI
DAN MELAKSANAKAN IBADAH KORBAN BERSAMA-SAMA
ANGGOTA TENTERA DARAT MALAYSIA DI KAWASAN OPERASI ZON UTARA
KAWASAN TANGGUNGJAWAB (KTJ) 2 DIVISYEN DAN 4 DIVISYEN

PERLIS, 30 Jun 2023 - YB Adly bin Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan telah mengadakan tinjauan dan seterusnya menyambut Hari Raya Aidiladha bersama pegawai dan anggota Tentera Darat Malaysia (TDM) yang sedang melaksanakan Operasi Zon Utara (OP KOTA & OP PAGAR) di kawasan tanggungjawab (KTJ) 2 Divisyen dan 4 Divisyen pada 28 hingga 30 Jun 2023.

Pada 28 Jun 2023, YB Timbalan Menteri Pertahanan bersama rombongan telah tiba di Kem Sri Banding dan telah bersama-sama warga Kem Sri Banding mengerjakan solat Maghrib dan Isyak serta bertakbir raya. Beliau turut meluangkan masa meninjau persiapan yang dilaksanakan oleh warga Kem Sri Banding bagi menyambut Hari Raya Aidiladha.

Seterusnya, pada 29 Jun 2023 YB Timbalan Menteri Pertahanan bersama seluruh warga Kem Sri Banding turut bersama-sama menunaikan solat sunat Aidiladha dan menyempurnakan penyembelihan korban seekor lembu dan dua ekor kambing yang turut disumbangkan oleh beliau. Beliau tidak melepaskan peluang menyertai Majlis Ramah Mesra serta Jamuan Hari Raya Aidiladha bersama warga Kem Sri Banding. Dalam kesempatan itu, YB Timbalan Menteri Pertahanan turut menyampaikan sumbangan Kotak Rahmah kepada Pegawai Memerintah Rejimen Kesembilan Belas Askar Melayu Diraja, Lt Kol Hizami bin Mohd Zaini.

Sempena lawatan ulung YB Timbalan Menteri Pertahanan ke Kem Sri Banding ini, beliau turut diberi taklimat berkaitan operasi Op KOTA, ECHO/FOXTROT dan Op PAGAR III serta turut melawat anggota TDM yang berada di Pangkalan Hadapan November dan Pos 7 Titiwangsa bagi meninjau kawasan operasi dengan lebih dekat lagi.

Pada 30 Jun 2023, YB Timbalan Menteri Pertahanan telah membuat tinjauan udara di OP KOTA ECHO/FOXTROT serta melawat anggota-anggota yang bertugas di POS 5, Op PAGAR II di bawah KTJ 2 Divisyen sebelum mengakhiri lawatan selama tiga hari dalam meninjau kesiagaan dan kebajikan warga TDM yang sedang melaksanakan operasi bagi memastikan mereka berada di dalam keadaan baik serta kawasan di sepanjang sempadan negara berada di dalam keadaan terkawal. Beliau turut berkesempatan melaksanakan ibadah korban dengan menyempurnakan penyembelihan korban seekor lembu dan menyampaikan sumbangan Kotak Rahmah serta beramah mesra dengan seluruh pegawai dan anggota yang sedang bertugas dalam melaksanakan operasi di musim perayaan ini.

Lawatan ini adalah merupakan salah satu inisiatif YB Timbalan Menteri Pertahanan di dalam menyantuni warga ATM yang sedang melaksanakan operasi di bawah tonggak pertama strategi pertahanan negara, iaitu cegah rintang berpadu, seperti yang digariskan di dalam Kertas Putih Pertahanan (KPP). Strategi ini bertujuan untuk melindungi kepentingan negara, terutamanya mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayah dengan menghindar daripada sebarang bentuk pencerobohan dan konflik. Pertahanan negara dilaksanakan sepanjang kawasan lapisan berpadu meliputi domain darat, maritim, udara dan siber elektromagnetik.

Turut hadir bersama-sama YB Menteri Pertahanan dalam lawatan tersebut ialah Mej Jen Dato' Pahlawan Hj Muhammad Huzaimi bin Sabri, Panglima Divisyen Kedua Infantri Malaysia, Mej Jen Anuar bin Abdul Wahab, Panglima Divisyen Keempat Infantri Malaysia, Brig Jen Asri bin Syukor, Panglima Briged Kedua Infantri Malaysia, Brig Jen Saipol Anuar bin Jaafar, Panglima Briged Keenam Infantri Malaysia dan Brig Jen Yazid bin Yusof, Panglima Briged Ketiga Puluh Infantri Malaysia.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
30 Jun 2023